JUZU' KE-27

SURAH AT-TUUR

SURAH KE **52**

SURAH AT-TUUR

Surah Bukit Tursina

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **49**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

وَالطُّورِ ﴿١﴾

وَكِتَابٍ مَّسْطُورٍ ﴿٢﴾

فِي رَقٍّ مَّنشُورٍ ﴿٣﴾

وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ﴿٤﴾

وَالسَّقْفِ الْمَرْفُوعِ ﴿٥﴾

وَالْبَحْرِ الْمَسْجُورِ ﴿٦﴾

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَاقِعٌ ﴿٧﴾

مَّا لَهُ مِن دَافِعٍ ﴿٨﴾

يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءُ مَوْرًا ﴿٩﴾

وَتَسِيرُ الْجِبَالُ سَيْرًا ﴿١٠﴾

فَوَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

الَّذِينَ هُمْ فِي خَوْضٍ يَلْعَبُونَ ﴿١٢﴾

يَوْمَ يُدَعُّونَ إِلَىٰ نَارِ جَهَنَّمَ دَعًّا ﴿١٣﴾

هَٰذِهِ النَّارُ الَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٤﴾

أَفَسِحْرٌ هَٰذَا أَمْ أَنتُمْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿١٥﴾

اصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَعِيمٍ ﴿١٧﴾

فَاكِهِينَ بِمَا آتَاهُمْ رَبُّهُمْ وَوَقَاهُمْ رَبُّهُمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ ﴿١٨﴾

كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

مُتَّكِئِينَ عَلَىٰ سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ ۖ وَزَوَّجْنَاهُم بِحُورٍ عِينٍ ﴿٢٠﴾

"Demi Bukit Tursina(1). Dan demi kitab yang tertulis(2). Diatas lembaran yang terbuka(3). Dan demi al-Baitul-Ma'mur(4). Dan demi bumbung yang amat tinggi(5). Dan demi lautan yang penuh tepu(6). Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku(7). Tiada siapa pun yang dapat menolakkannya(8). Pada hari langit bergegar dengan sekuat-kuat gegaran(9). Dan gunung-ganang yang berjalan dengan seaneh-aneh perjalanan(10). Pada hari itu celakalah kepada para pendusta(11). Iaitu orang-orang yang bermain-main di dalam kebatilan(12). Pada hari mereka ditolak ke dalam Neraka Jahannam dengan sekasar-kasarnya(13). Inilah api Neraka yang telah didustakan kamu(14). Apakah ini suatu sihir? Atau kamu buta tidak nampak?(15). Rasakanlah bakarannya. Sama ada kamu sabar atau tidak, itu adalah sama sahaja kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dibalas setimpal dengan perbuatan yang telah dilakukan kamu(16). Sesungguhnya para Muttaqin itu ditempatkan di dalam taman Syurga dan di dalam ni'mat yang mewah(17). Mereka bersenang-lenang dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Tuhan mereka dan mereka dipeliharakan Tuhan mereka dari 'azab Neraka(18). Makan dan minumlah kamu dengan seenak-enaknya, kerana amalan yang telah dilakukan kamu(19). Mereka bersandar di atas takhta-takhta yang diatur rapi, dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari-bidadari yang putih melepak dan bermata luas yang jelita"(20).

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُم بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَيْءٍ ۚ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

وَأَمْدَدْنَاهُم بِفَاكِهَةٍ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٢٢﴾

يَتَنَازَعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَّا لَغْوٌ فِيهَا وَلَا تَأْثِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ غِلْمَانٌ لَّهُمْ كَأَنَّهُمْ لُؤْلُؤٌ مَّكْنُونٌ ﴿٢٤﴾

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٢٥﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِىٓ أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ٢٦

فَمَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَىٰنَا عَذَابَ ٱلسَّمُومِ ٢٧

إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلُ نَدْعُوهُ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْبَرُّ ٱلرَّحِيمُ ٢٨

فَذَكِّرْ فَمَآ أَنتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ٢٩

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّتَرَبَّصُ بِهِۦ رَيْبَ ٱلْمَنُونِ ٣٠

"Dan orang-orang yang beriman yang diikuti zuriat keturunan mereka dengan keimanan, Kami gabungkan zuriat keturunan mereka dengan mereka dan Kami tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka. Setiap individu terikat dengan amalan yang telah diusahakannya(21). Dan Kami bekalkan dengan buah-buahan dan daging dari segala jenis yang diingini mereka(22). Di dalam Syurga mereka saling hulur tarik gelas minuman yang tidak menimbulkan percakapan yang kosong dan tidak pula mendatangkan dosa(23). Dan mereka dilayani belia-belia tampan yang beredar disekeliling mereka seolah-olah mutiara yang tersimpan(24). Mereka bertemu satu sama lain dan saling bertanya(25). Mereka berkata: Sesungguhnya kami dahulu sewaktu berada di tengah-tengah keluarga kami merasa begitu takut (kepada 'azab Allah)(26). Lalu Allah kurniakan (ni'mat Syurga dan keampunan) kepada kami dan melindungkan kami dari 'azab Neraka yang meresap di segenap roma(27). Sesungguhnya kami dahulu sentiasa berdo'a kepada-Nya kerana sesungguhnya Dia Maha Pengurnia kebaikan dan Maha Pengasih(28). Berilah peringatan (kepada mereka) kerana engkau bukanlah seorang kahin dan bukan pula seorang gila dengan sebab ni'mat kerasulan yang dikurniakan Tuhanmu itu(29). Atau apakah mereka berkata: (Muhammad) itu seorang penyair yang kami tunggu-tunggu ditimpa kebinasaan?"(30).

قُلْ تَرَبَّصُوا۟ فَإِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُتَرَبِّصِينَ ٣١

أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَٰمُهُم بِهَٰذَآ ۚ أَمْ هُمْ قَوْمٌ طَاغُونَ ٣٢

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُۥ ۚ بَل لَّا يُؤْمِنُونَ ٣٣

فَلْيَأْتُوا۟ بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ٣٤

أَمْ خُلِقُوا۟ مِنْ غَيْرِ شَىْءٍ أَمْ هُمُ ٱلْخَٰلِقُونَ ٣٥

أَمْ خَلَقُوا۟ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ٣٦

أَمْ عِندَهُمْ خَزَآئِنُ رَبِّكَ أَمْ هُمُ ٱلْمُصَۣيْطِرُونَ ٣٧

أَمْ لَهُمْ سُلَّمٌ يَسْتَمِعُونَ فِيهِ ۖ فَلْيَأْتِ مُسْتَمِعُهُم بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ٣٨

أَمْ لَهُ ٱلْبَنَٰتُ وَلَكُمُ ٱلْبَنُونَ ٣٩

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ٤٠

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Tunggulah kamu kerana sesungguhnya aku pun dari orang-orang yang ikut menunggu bersama-sama kamu(31). Apakah mereka disuruh akal fikiran mereka membuat tuduhan seperti ini atau mereka kaum yang pelampau?(32). Atau adakah mereka menuduh dia (Muhammad) mereka-reka Al-Qur'an? Bahkan sebenar-nya mereka sengaja tidak mahu beriman(33). Hendaklah mereka bawakan perkataan seperti Al-Qur'an jika mereka benar(34). Apakah mereka diciptakan tanpa pencipta atau apakah mereka menciptakan diri mereka sendiri?(35). Apakah mereka yang menciptakan langit dan bumi? Bahkan sebenarnya mereka tidak mempunyai keyakinan(36). Apakah mereka mempunyai perbendaharaan Tuhanmu atau apakah mereka menguasai teraju segala urusan?(37). Apakah mereka mempunyai tangga (ke langit) hingga mereka dapat mendengar (percakapan-percakapan ghaib) di sana? (Jika benar) hendaklah yang mendengar dari kalangan mereka itu membawa hujah yang jelas(38). Apakah wajar Allah mempunyai anak-anak perempuan sedangkan kamu mempunyai anak-anak lelaki?(39). Apakah engkau (Muhammad) meminta upah dan kerana itu mereka berat menanggung hutang?"(40).

أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ٤١

أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا ۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هُمُ ٱلْمَكِيدُونَ ٤٢

أَمْ لَهُمْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ٤٣

وَإِن يَرَوْا۟ كِسْفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ سَاقِطًا يَقُولُوا۟ سَحَابٌ مَّرْكُومٌ ٤٤

فَذَرْهُمْ حَتَّىٰ يُلَٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى فِيهِ يُصْعَقُونَ ٤٥

يَوْمَ لَا يُغْنِى عَنْهُمْ كَيْدُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ٤٦

وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ عَذَابًا دُونَ ذَٰلِكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٤٧

وَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۖ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ٤٨

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَٰرَ ٱلنُّجُومِ ٤٩

"Apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan yang ghaib dan kerana itu mereka dapat menuliskannya?(41). Apakah mereka hendak merancangkan tipu daya (terhadap Muhammad)? Sebenarnya orang-orang yang kafir itulah yang akan menerima akibat tipu daya itu(42). Apakah mereka mempunyai Tuhan selain dari Allah? Maha Sucilah Allah dari segala apa yang disekutukan mereka(43). Dan andainya mereka melihat kepingan-kepingan dari langit itu gugur (untuk mengazabkan mereka), mereka berkata: Itulah awan tebal yang berlapis-lapis (yang membawa hujan)(44). Oleh itu, biarkanlah mereka (di dalam

kesesatan) sehingga mereka menemui hari (Qiamat) di mana mereka akan dimatikan(45). Pada hari itu tipu daya mereka tidak mendatangkan faedah kepada mereka sedikit pun dan tidak pula mereka diberi pertolongan(46). Sesungguhnya untuk orang-orang yang zalim disediakan suatu 'azab yang lain sebelum itu tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(47). Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu! Sesungguhnya engkau berada di mata Kami (dalam pengawasan Kami), dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun (dari tidur)(48). Juga hendaklah engkau bertasbih di waktu malam dan ketika bintang-bintang itu menghilangkan diri."(49).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini melancarkan serangan yang meninggalkan kesan yang amat mendalam di dalam hati manusia dan melakukan pemburuan yang hebat terhadap keraguan-keraguan, kekeliruan-kekeliruan dan tanggapan-tanggapan yang batil yang menyerang, merasuk dan bersembunyi di sana sini dalam lubuk hati manusia. Surah ini juga membatalkan segala hujah dan segala alasan yang mungkin digunakan seseorang untuk menyimpang dari kebenaran dan menyeleweng dari keimanan. Ia melancarkan satu serangan yang tidak dapat ditahan oleh hati yang menerimanya. Ia terus mengejar dan memburunya sehingga mereka mengaku kalah dan menyerah.

Turut sama dalam serangan itu ialah semua kata-kata, ungkapan-ungkapan, konsep-konsep, tujuan-tujuan, gambaran-gambaran, bayangan-bayangan, nada-nada, bahagian-bahagian surah dan irama-irama akhir kata ceraian. Dari awal surah hingga kepada kata penamat ayat-ayatnya bertalu-talu menyerang laksana tembakan peluru-peluru. Nada-nadanya seolah-olah bunyi guruh, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangannya seolah-olah cemeti yang bertubi-tubi menyebat hati manusia tidak berhenti-henti dari mula hingga akhir.

Surah ini dimulakan dengan sumpah Allah S.W.T. dengan kejadian-kejadian suci di langit dan di bumi, setengah-setengah kejadian itu memang terkenal dan diketahui umum dan setengah-setengahnya pula berada di alam ghaib dan majhul:

وَٱلطُّورِ ﴿١﴾

وَكِتَٰبٍ مَّسۡطُورٍ ﴿٢﴾

فِي رَقٍّ مَّنشُورٍ ﴿٣﴾

وَٱلۡبَيۡتِ ٱلۡمَعۡمُورِ ﴿٤﴾

وَٱلسَّقۡفِ ٱلۡمَرۡفُوعِ ﴿٥﴾

وَٱلۡبَحۡرِ ٱلۡمَسۡجُورِ ﴿٦﴾

"Demi Bukit Tursina(1). Dan demi kitab yang tertulis(2). Di atas lembaran yang terbuka(3). Dan demi al-Baitul-Ma'mur(4). Dan demi bumbung yang amat tinggi(5). Dan demi lautan yang penuh tepu."(6)

Sumpah itu ialah untuk menegakkan satu hakikat yang amat besar dan mengerikan setiap hati dan perasaan, satu hakikat yang diungkapkan dengan kata-kata yang keras yang sesuai dengan tujuannya yang menakutkan, dan digambarkan dengan pemandangan yang menggentarkan segala hati:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾

مَّا لَهُۥ مِن دَافِعٍ ﴿٨﴾

يَوۡمَ تَمُورُ ٱلسَّمَآءُ مَوۡرًا ﴿٩﴾

وَتَسِيرُ ٱلۡجِبَالُ سَيۡرًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku(7). Tiada siapa pun yang dapat menolakkannya(8). Pada hari langit bergegar dengan sekuat-kuat gegaran(9). Dan gunung-ganang yang berjalan dengan seaneh-aneh perjalanan."(10)

Dan di tengah-tengah pemandangan yang menakutkan itu kita melihat dan mendengar kutukan kecelakaan, kehuru-haraan dan kecaman-kecaman yang mengecutkan hati:

فَوَيۡلٌ يَوۡمَئِذٍ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

ٱلَّذِينَ هُمۡ فِي خَوۡضٍ يَلۡعَبُونَ ﴿١٢﴾

يَوۡمَ يُدَعُّونَ إِلَىٰ نَارِ جَهَنَّمَ دَعًّا ﴿١٣﴾

هَٰذِهِ ٱلنَّارُ ٱلَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٤﴾

أَفَسِحۡرٌ هَٰذَآ أَمۡ أَنتُمۡ لَا تُبۡصِرُونَ ﴿١٥﴾

ٱصۡلَوۡهَا فَٱصۡبِرُوٓاْ أَوۡ لَا تَصۡبِرُواْ سَوَآءٌ عَلَيۡكُمۡۖ إِنَّمَا تُجۡزَوۡنَ مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Pada hari itu celakalah kepada para pendusta(11). Iaitu orang-orang yang bermain-main di dalam kebatilan (12). Pada hari mereka ditolak ke dalam Neraka Jahannam dengan sekasar-kasarnya(13). Inilah api Neraka yang telah didustakan kamu(14). Apakah ini suatu sihir? Atau kamu buta tidak nampak?(15). Rasakanlah bakarannya. Sama ada kamu sabar atau tidak, itu adalah sama sahaja kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dibalas setimpal dengan perbuatan yang telah dilakukan kamu."(16)

Ini merupakan satu pusingan serangan dan diikuti pula dengan satu pusingan serangan dari jenis yang lain iaitu pusingan serangan untuk menimbulkan dalam hati yang takut dan gementar itu keinginan kepada keamanan dan keni'matan dengan menayangkan pemandangan orang-orang yang bertaqwa dan balasan-balasan yang disediakan untuk

mereka dalam bentuk penghormatan, keni'matan yang melimpah ruah, yang beraneka warna dan yang diperincikan dengan panjang lebar, iaitu ni'mat-ni'mat yang mententeramkan hati setelah dia melihat keseksaan yang menakutkannya:

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِي جَنَّٰتٍ وَنَعِيمٍ ﴿١٧﴾

فَٰكِهِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ وَوَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٨﴾

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔۢا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

مُتَّكِـِٔينَ عَلَىٰ سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ ۖ وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ عِينٍ ﴿٢٠﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُم بِإِيمَٰنٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَآ أَلَتْنَٰهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَىْءٍ ۚ كُلُّ ٱمْرِئٍۭ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

وَأَمْدَدْنَٰهُم بِفَٰكِهَةٍ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٢٢﴾

يَتَنَٰزَعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَّا لَغْوٌ فِيهَا وَلَا تَأْثِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ غِلْمَانٌ لَّهُمْ كَأَنَّهُمْ لُؤْلُؤٌ مَّكْنُونٌ ﴿٢٤﴾

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٢٥﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِىٓ أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ﴿٢٦﴾

فَمَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَىٰنَا عَذَابَ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾

إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلُ نَدْعُوهُ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْبَرُّ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya para Muttaqin itu ditempatkan di dalam taman Syurga dan di dalam ni'mat yang mewah(17). Mereka bersenang-lenang dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Tuhan mereka dan mereka dipeliharakan Tuhan mereka dari 'azab Neraka(18). Makan dan minumlah kamu dengan seenak-enaknya, kerana amalan yang telah dilakukan kamu(19). Mereka bersandar di atas takhta-takhta yang diatur rapi, dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari yang putih melepak dan bermata luas yang jelita(20). Dan orang-orang yang beriman yang diikuti zuriat keturunan mereka dengan keimanan, Kami gabungkan zuriat keturunan mereka dengan mereka dan Kami tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka. Setiap individu terikat dengan amalan yang telah diusahakannya(21). Dan Kami bekalkan dengan buah-buahan dan daging dari segala jenis yang diingini mereka(22). Di dalam Syurga mereka saling hulur tarik gelas minuman yang tidak menimbulkan percakapan yang kosong dan tidak pula mendatangkan dosa(23). Dan mereka dilayani belia-belia tampan yang beredar disekeliling mereka seolah-olah mutiara yang tersimpan (24). Mereka bertemu satu sama lain dan saling bertanya (25). Mereka berkata: Sesungguhnya kami dahulu sewaktu berada di tengah-tengah keluarga kami merasa begitu takut (kepada 'azab Allah)(26). Lalu Allah kurniakan (ni'mat Syurga dan keampunan) kepada kami dan melindungkan kami dari 'azab Neraka yang meresap ke segenap roma(27). Sesungguhnya kami dahulu sentiasa berdo'a kepada-Nya kerana sesungguhnya Dia Maha Pengurnia kebaikan dan Maha Pengasih."(28)

Kini hati manusia telah merasakan sebatan cemeti keseksaan dalam pusingan pertama dan merasakan kemanisan ni'mat di dalam pusingan yang kedua, dan sekarang tibalah pula pusingan serangan yang ketiga yang memburu keraguan-keraguan, was-was, kekeliruan-kekeliruan dan kesesatan serta membatalkan segala hujah dan alasan-alasan yang menguzurkan diri. Pusingan ini menayangkan hakikat itu dengan gambaran yang jelas, mudah difaham dan keras. Ia berbicara dengan logik yang tegas yang tidak boleh ditakwil dengan bahasa yang lurus yang tidak berbelit-belit. Ia mematahkan leher manusia dan memaksa mereka supaya menyerah kalah. Pusingan ini dimulakan dengan memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya terus memberi peringatan kepada mereka walaupun mereka telah menunjukkan kelakuan biadab terhadap beliau, dan supaya beliau menyerang mereka dengan logik yang tegas, kuat dan lurus:

فَذَكِّرْ فَمَآ أَنتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ﴿٢٩﴾

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّتَرَبَّصُ بِهِۦ رَيْبَ ٱلْمَنُونِ ﴿٣٠﴾

قُلْ تَرَبَّصُوا۟ فَإِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُتَرَبِّصِينَ ﴿٣١﴾

أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَٰمُهُم بِهَٰذَآ ۚ أَمْ هُمْ قَوْمٌ طَاغُونَ ﴿٣٢﴾

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُۥ ۚ بَل لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾

فَلْيَأْتُوا۟ بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٣٤﴾

أَمْ خُلِقُوا۟ مِنْ غَيْرِ شَىْءٍ أَمْ هُمُ ٱلْخَٰلِقُونَ ﴿٣٥﴾

أَمْ خَلَقُوا۟ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾

أَمْ عِندَهُمْ خَزَآئِنُ رَبِّكَ أَمْ هُمُ ٱلْمُصَيْطِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Berilah peringatan (kepada mereka) kerana engkau bukanlah seorang kahin dan bukan pula seorang gila dengan sebab ni'mat kerasulan yang dikurniakan Tuhanmu itu(29). Atau apakah mereka berkata: (Muhammad) itu seorang penyair yang kami tunggu-tunggu ditimpa kebinasaan?(30). Katakanlah (wahai Muhammad!) Tunggulah kamu kerana sesungguhnya aku pun dari orang-orang yang ikut menunggu bersama-sama kamu(31). Apakah mereka disuruh akal fikiran mereka membuat tuduhan seperti ini atau mereka kaum yang pelampau?(32). Atau adakah mereka menuduh dia (Muhammad) mereka-reka Al-Qur'an?

Bahkan sebenar-nya mereka sengaja tidak mahu beriman(33). Hendaklah mereka bawakan perkataan seperti Al-Qur'an jika mereka benar(34). Apakah mereka diciptakan tanpa pencipta atau apakah mereka menciptakan diri mereka sendiri?(35). Apakah mereka yang menciptakan langit dan bumi? Bahkan sebenarnya mereka tidak mempunyai keyakinan (36). Apakah mereka mempunyai perbendaharaan Tuhanmu atau apakah mereka yang menguasai teraju segala urusan?"(37).

أَمْ لَهُمْ سُلَّمٌ يَسْتَمِعُونَ فِيهِ ۖ فَلْيَأْتِ مُسْتَمِعُهُم بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

أَمْ لَهُ الْبَنَاتُ وَلَكُمُ الْبَنُونَ ﴿٣٩﴾

أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٠﴾

أَمْ عِندَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤١﴾

أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا ۖ فَالَّذِينَ كَفَرُوا هُمُ الْمَكِيدُونَ ﴿٤٢﴾

أَمْ لَهُمْ إِلَٰهٌ غَيْرُ اللَّهِ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٤٣﴾

"Apakah mereka mempunyai tangga (ke langit) hingga mereka dapat mendengar (percakapan-percakapan ghaib) di sana? (Jika benar) hendaklah yang mendengar dari kalangan mereka itu membawa hujah yang jelas(38). Apakah wajar Allah mempunyai anak-anak perempuan sedangkan kamu mempunyai anak-anak lelaki?(39). Apakah engkau (Muhammad) meminta upah dan kerana itu mereka berat menanggung hutang?(40). Apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan yang ghaib dan kerana itu mereka dapat menuliskannya?(41). Apakah mereka hendak merancangkan tipu daya (terhadap Muhammad)? Sebenarnya orang-orang yang kafir itulah yang akan menerima akibat tipu daya itu(42). Apakah mereka mempunyai Tuhan selain dari Allah? Maha Sucilah Allah dari segala apa yang disekutukan mereka."(43)

Selepas pertanyaan-pertanyaan yang bertalu-talu ini atau selepas bedilan peluru-peluru yang kuat yang menghancurleburkan kebatilan, menyulitkan orang-orang yang angkuh dan degil dan mengelukan setiap lidah yang menyeleweng dari kebenaran atau mempertikaikannya. selepas pertanyaan-pertanyaan ini semua, Al-Qur'an menggambarkan kedegilan mereka dalam bentuk manusia yang menidak-nidakkan sesuatu yang nyata:

وَإِن يَرَوْا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ سَاقِطًا يَقُولُوا سَحَابٌ مَّرْكُومٌ ﴿٤٤﴾

"Dan andainya mereka melihat kepingan-kepingan dari langit itu gugur (untuk mengazab mereka), mereka berkata: Itulah awan tebal yang berlapis-lapis (yang membawa hujan)."(44)

Walaupun perbezaan di antara rupa kepingan-kepingan langit yang gugur dengan rupa tompokan-tompokan awan itu amat jelas sekali, tetapi mereka sengaja mencari sesuatu yang mengeliru untuk menyimpang dari kebenaran yang amat nyata.

Di sini Al-Qur'an membedil mereka dengan peluru yang akhir iaitu peluru ancaman yang menakutkan, iaitu mereka lambat-laun akan menemui pemandangan hari Qiamat yang mengerikan yang telah ditayangkan di permulaan surah.

فَذَرْهُمْ حَتَّىٰ يُلَاقُوا يَوْمَهُمُ الَّذِي فِيهِ يُصْعَقُونَ ﴿٤٥﴾

يَوْمَ لَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٦﴾

وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا عَذَابًا دُونَ ذَٰلِكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

"Oleh itu biarkanlah mereka (di dalam kesesatan) sehingga mereka menemui hari (Qiamat) di mana mereka akan dimatikan(45). Pada hari itu tipu daya mereka tidak mendatangkan faedah kepada mereka sedikit pun dan tidak pula mereka diberi pertolongan(46). Sesungguhnya untuk orang-orang yang zalim disediakan suatu 'azab yang lain sebelum itu tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(47)

Kemudian surah ini ditamatkan dengan pertanyaan yang lemah-lembut yang dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. setelah beliau dituduh sebagai penyair yang menunggu ditimpa kebinasaan atau sebagai kahin atau orang gila. Pertanyaan ini telah dihadapkan oleh Allah kepada beliau untuk menghiburkan beliau dengan penuh penghormatan, iaitu melalui satu ungkapan yang tiada tolok bandingnya dan belum pernah dihadapkan sebelum ini kepada mana-mana Nabi atau Rasul yang lain.

وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۖ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾

وَمِنَ اللَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَارَ النُّجُومِ ﴿٤٩﴾

"Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu! Sesungguhnya engkau berada di mata Kami (dalam pengawasan Kami), dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun (dari tidur) (48). Juga hendaklah engkau bertasbih di waktu malam dan ketika bintang-bintang itu menghilangkan diri."(49)

Itulah pernyataan yang menghapuskan kesulitan dan kesukaran yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. dari pengingkar-pengingkar yang degil yang diserang hebat dalam surah ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 16)

وَالطُّورِ ﴿١﴾
وَكِتَابٍ مَّسْطُورٍ ﴿٢﴾
فِي رَقٍّ مَّنشُورٍ ﴿٣﴾
وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ﴿٤﴾
وَالسَّقْفِ الْمَرْفُوعِ ﴿٥﴾

"Demi Bukit Tursina(1). Dan demi kitab yang tertulis(2). Di atas lembaran yang terbuka(3). Dan demi al-Baitul-Ma'mur(4). Dan demi bumbung yang amat tinggi"(5).

وَالْبَحْرِ الْمَسْجُورِ ﴿٦﴾
إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَاقِعٌ ﴿٧﴾
مَّا لَهُ مِن دَافِعٍ ﴿٨﴾
يَوْمَ تَمُورُ السَّمَاءُ مَوْرًا ﴿٩﴾
وَتَسِيرُ الْجِبَالُ سَيْرًا ﴿١٠﴾

"Dan demi lautan yang penuh tepu(6). Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku(7). Tiada siapa pun yang dapat menolakkannya(8). Pada hari langit bergegar dengan sekuat-kuat gegaran(9). Dan gunung-ganang yang berjalan dengan seaneh-aneh perjalanan"(10).

فَوَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾
الَّذِينَ هُمْ فِي خَوْضٍ يَلْعَبُونَ ﴿١٢﴾
يَوْمَ يُدَعُّونَ إِلَىٰ نَارِ جَهَنَّمَ دَعًّا ﴿١٣﴾
هَٰذِهِ النَّارُ الَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٤﴾
أَفَسِحْرٌ هَٰذَا أَمْ أَنتُمْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿١٥﴾
اصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ ۖ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Pada hari itu celakalah kepada para pendusta(11). Iaitu orang-orang yang bermain-main di dalam kebatilan(12). Pada hari mereka ditolak ke dalam Neraka Jahannam dengan sekasar-kasarnya(13). Inilah api Neraka yang telah didustakan kamu(14). Apakah ini suatu sihir? Atau kamu buta tidak nampak?(15). Rasakanlah bakarannya. Sama ada kamu sabar atau tidak, itu adalah sama sahaja kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dibalas setimpal dengan perbuatan yang telah dilakukan kamu."(16)

Ayat-ayat yang pendek ini, yang mempunyai kata-kata cerian yang berirama dan nada-nada yang tegas yang mengikuti surah ini dari permulaannya lagi, adalah dimulakan dengan satu kalimat, kemudian dua kalimat, kemudian beransur-ansur panjang sedikit demi sedikit sehingga sampai kepada dua belas kalimat di akhir bahagian pertama surah dengan nada dan irama yang sama.

Erti at-Tuur ialah bukit yang berpokok. Dan menurut pendapat yang terkuat yang dimaksudkan dengan at-Tuur di sini ialah Bukit Tursina yang terkenal di dalam Al-Qur'an, iaitu bukit yang disebut dalam kisah Nabi Musa a.s. dan di atasnyalah Allah telah menurunkan lauh-lauh yang tertulis dengan ayat-ayat suci. Suasana dalam ayat-ayat itu ialah suasana-suasana kejadian-kejadian suci. Allah bersumpah dengan kejadian-kejadian ini untuk menjelaskan suatu perkara yang amat penting yang akan diterangkan kemudian.

وَكِتَابٍ مَّسْطُورٍ ﴿٢﴾
فِي رَقٍّ مَّنشُورٍ ﴿٣﴾

"Dan demi kitab yang tertulis(2). Di atas lembaran yang terbuka."(3)

Maksud yang lebih hampir dari ayat ini ialah kitab suci yang dikurniakan Allah kepada Nabi Musa a.s. yang dituliskan untuknya di atas lauh-lauh. Ini ialah kerana terdapat persesuaian di antaranya dengan Bukit Tursina. Menurut pendapat yang lain, yang dimaksudkan dengan kitab di sini ialah Lauh Mahfuz kerana sesuai dengan ayat berikutnya iaitu al-Baitul-Ma'mur dan bumbung yang amat tinggi (langit). Tidak ada apa-apa halangan untuk menerima pengertian ini sebagai pengertian yang dimaksudkan oleh ayat ini.

وَالْبَيْتِ الْمَعْمُورِ ﴿٤﴾

"Dan demi al-Baitul-Ma'mur."(4)

Mungkin maksudnya ialah rumah Ka'bah, tetapi pendapat yang terkuat ialah rumah ibadat para malaikat di langit sebagaimana diterangkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dalam hadith al-Isra' yang berbunyi:

ثم رفع بي إلى البيت المعمور ، وإذا هو يدخله كل يوم
سبعون ألفاً لا يعودون إليه آخر ما عليهم

"Kemudian aku diangkat ke al-Baitul-Ma'mur dan ia dikunjungi setiap hari oleh tujuh puluh ribu malaikat yang tidak kembali balik kepadanya hingga akhir bilangan mereka (kerana terlalu ramai)."

Yakni mereka beribadat di rumah itu dan mengelilinginya sebagaimana penghuni bumi mengelilingi rumah Ka'bah mereka.

"Dan demi bumbung yang amat tinggi."(5)

Maksud bumbung yang amat tinggi itu ialah langit. Itulah pendapat Sufyan ath-Thauri, Syu'bah dan 'Abdul Ahwas dari Simak ibn Khalid ibn 'Ar-'arah dari 'Ali Karramallahu wajhah. Ujar Sufyan: Kemudian ia membaca ayat:

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَـٰتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan Kami telah ciptakan langit sebagai bumbung yang terkawal, sedangkan mereka tidak menghiraukan tanda-tanda kekuasaan Allah yang terdapat padanya."

(Surah al-Anbia': 32)

وَٱلْبَحْرِ ٱلْمَسْجُورِ ﴿٦﴾

"Dan demi lautan yang penuh tepu."(6)

Pemandangan lautan yang penuh tepu itu amat sesuai disebutkan bersama-sama dengan pemandangan langit yang sama-sama mempunyai ciri-ciri luas, penuh tepu dan sayup saujana. Lautan adalah salah satu tanda kekuasaan Allah yang amat hebat dan indah yang layak disebut bersama-sama pemandangan kejadian-kejadian yang sumpahi Allah untuk menjelaskan satu perkara yang agung. Mungkin juga maksud dari "المسجور" itu ialah *"lautan yang bernyala-nyala"* seperti firman Allah S.W.T. dalam surah yang lain.

وَإِذَا ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ ﴿٦﴾

"Apabila lautan-lautan itu dinyalakan."

(Surah at-Takwir: 6)

Yakni ia menyalakan api. Mungkin juga ia menunjukkan kepada satu pengertian yang lain yang diketahui Allah seperti perkataan "السقف المرفوع".

Allah S.W.T. bersumpah dengan makhluk-makhluk yang agung ini untuk menjelaskan satu perkara yang agung setelah hati manusia bersedia untuk menyambutnya:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾ مَّا لَهُۥ مِن دَافِعٍ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku(7). Tiada siapa pun yang dapat menolakkannya."(8)

Kesan Ayat "إن عذاب ربك لواقع" Kepada Jiwa Umar

Maksudnya, 'azab itu pasti berlaku tiada siapa pun yang mampu menahannya. Nada kedua-dua ayat ini begitu tegas dan pasti. Ia mencampakkan ke dalam hati bahawa 'azab itu merupakan malapetaka yang amat dahsyat yang menimpa di luar dugaan, tiada siapa yang boleh menjadi pelindung dan penyelamat, apabila nada ini sampai ke dalam hati manusia tanpa diganggu gugat, maka ia akan mengocakkan perasaannya dan meninggalkan kesan-kesannya yang mendalam. Ujar al-Hafiz Abu Bakr ibn Abu ad-Dunia: Kami telah diceritakan oleh bapaku, kami telah diceritakan oleh Musa ibn Abu Daud dari Soleh al-Murri dari Ja'far ibn Zayd al-'Abdi katanya: Pada suatu malam 'Umar mengeliling kota Madinah, dia lalu di sebuah rumah kediaman salah seorang Islam, tiba-tiba dia dapati orang itu sedang mendirikan solat, lalu dia pun berhenti mendengar bacaannya. Orang itu membaca Surah at-Tuur sehingga sampai kepada ayat:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾

مَّا لَهُۥ مِن دَافِعٍ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu tetap berlaku(7). Tiada siapa pun yang dapat menolakkannya."(8)

lalu 'Umar pun berkata: 'Demi Tuhan Ka'bah! Sumpah ini adalah benar." Dia turun dari keldainya dan bersandar di sebuah dinding. Dia berhenti seketika di situ kemudian pulang ke rumahnya dan dia tinggal selama sebulan di rumahnya hingga dikunjungi orang ramai yang tidak mengetahui apakah penyakit yang dihidapinya r.a..

Memang sebelum ini 'Umar r.a. sering mendengar surah ini, malah sering membacanya dan bersembahyang dengannya. Rasulullah s.a.w. juga telah membaca surah ini dalam solat Maghrib dan 'Umar tahu dan masih boleh menahan sabar, tetapi pada malam ini hati dan perasaannya terbuka lebar hingga surah ini dapat menembusinya dan menimbulkan kesan-kesannya yang amat mendalam apabila ia sampai ke dalam hati 'Umar dengan kekuatannya dan dengan hakikat laduninya yang langsung dari Allah, iaitu hakikat yang hanya sampai ke dalam hati manusia dalam detik-detik waktu yang istimewa sahaja. Di waktu itulah ia menyerap terus ke pedalaman hati manusia. Ketika itulah hati manusia menyambut ayat itu dari sumbernya yang pertama (Allah) sebagaimana disambut oleh Rasulullah s.a.w. tetapi beliau tahan menerimanya kerana beliau telah pun bersedia untuk menerimanya, sedangkan orang yang lain darinya tidak tahan menerimanya seperti yang berlaku kepada 'Umar r.a. apabila surah ini menembusi hati mereka dengan kekuatan hakikatnya yang pertama.

Kemudian pernyataan yang menggerunkan itu diiringi pula dengan satu pemandangan yang ngeri:

يَوْمَ تَمُورُ ٱلسَّمَآءُ مَوْرًا ﴿٩﴾ وَتَسِيرُ ٱلْجِبَالُ سَيْرًا ﴿١٠﴾

"Pada hari langit bergegar dengan sekuat-kuat gegaran(9). Dan gunung-ganang yang berjalan dengan seaneh-aneh perjalanan."(10)

Pemandangan langit yang kukuh itu bergegar dan bergelombang seperti ombak lautan, dan pemandangan gunung-ganang yang keras dan terpacak teguh itu berjalan dengan ringan dan tidak lagi tetap itu merupakan satu pemandangan yang amat mengkaget dan menggentarkan hati yang membayangkan betapa dahsyatnya peristiwa hari Qiamat itu hingga langit bergegar dan gunung-ganang berjalan. Bagaimana pula dengan makhluk insan yang kerdil dan lemah itu dalam menghadapi kemusnahan alam yang mengkaget dan mengerikan itu?

Di tengah-tengah kemusnahan alam yang menggoncangkan segala-galanya dan di tengah-tengah ketakutan yang menggegarkan segala-galanya itu, Al-Qur'an menyerang para pendusta itu dengan do'a kecelakaan dari Allah Yang Maha Kuasa dan Perkasa:

فَوَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

الَّذِينَ هُمْ فِي خَوْضٍ يَلْعَبُونَ ﴿١٢﴾

"Pada hari itu celakalah kepada para pendusta(11). Iaitu orang-orang yang bermain-main di dalam kebatilan."(12)

Do'a kecelakaan dari Allah merupakan hukuman dan keputusan mendapat kecelakaan iaitu suatu hukuman yang tetap berlaku dan tiada siapa pun yang dapat menahannya. Ia pasti berlaku pada hari langit bergegar sekuat-kuatnya dan gunung-ganang berjalan seaneh-anehnya. Kemusnahan alam itu selari dengan kecelakaan yang seluruhnya menimpa manusia-manusia pendusta:

"Iaitu orang-orang yang bermain-main di dalam kebatilan."(12)

Di Antara Ciri-ciri Kefahaman Manusia Dan Ciri-ciri Kefahaman Islam

Sifat ini dari mulanya lagi tepat dengan sifat kaum Musyrikin dan kepercayaan mereka yang terumbang-ambing dan kefahaman-kefahaman mereka yang karut, juga tepat dengan cara hidup mereka yang ditegakkan di atas kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman yang karut itu yang diceritakan oleh Al-Qur'an di dalam berbagai-bagai ayat yang lain. Semuanya merupakan permainan yang tiada sedikit pun mengandungi unsur keseriusan. Mereka leka di dalam permainan itu sebagaimana lekanya orang-orang yang bermain-main di dalam air tanpa menuju kepada suatu pantai atau suatu matlamat selain dari menyelam dan bermain-main sahaja.

Tetapi sifat ini juga tepat dengan sifat-sifat manusia yang hidup dengan kefahaman yang lain dari kefahaman Islam. Hakikat ini tidak difahami oleh seseorang melainkan apabila dia melihat seluruh kefahaman-kefahaman manusia yang wujud di dalam kepercayaan-kepercayaan, dongeng-dongeng dan falsafah-falsafah mereka itu di bawah bayangan kefahaman Islam iaitu kefahaman Islam terhadap matlamat kewujudan insan dan alam seluruhnya. Seluruh kefahaman manusia itu - walaupun dari tokoh-tokoh ahli falsafah yang dibangga-banggakan oleh sejarah pemikiran manusia - hanya merupakan percubaan anak-anak kecil yang meraba-raba mencari jalan hakikat iaitu hakikat yang dibentangkan dalam kefahaman Islam terutama di dalam Al-Qur'an. Hakikat itu dibentangkan dengan tenang, jelas, kuat, mudah dan mendalam dan secara langsung bertemu pula dengan fitrah manusia dengan mudah tanpa penat dan berbelit-belit, kerana Islam mendedahkan kepada fitrah manusia hakikat asal yang bertunjang di dalamnya. Ia menjelaskan kepadanya hakikat alam buana dan hubungan dengannya di samping menjelaskan hubungan alam buana dengan Penciptanya. Semuanya dijelaskan dengan penjelasan yang serasi dengan hakikat asal yang bertunjang di dalam fitrah manusia.

Seringkali saya merasa hairan apabila saya mengkaji kefahaman-kefahaman tokoh-tokoh besar dari ahli falsafah dan memperhatikan betapa teruknya kepenatan yang dialami mereka ketika mereka cuba membuat pentafsiran terhadap alam buana dan hubungan-hubungannya sama seperti seorang kanak-kanak yang cuba menyelesaikan satu equasi matematik yang besar sedangkan persepsi yang disampaikan oleh Al-Qur'an yang ada di hadapan saya cukup jelas, mudah, tidak berliku-liku dan berbelit-belit. Ini memang benar kerana pentafsiran Al-Qur'an terhadap kejadian alam buana merupakan pentafsiran dari pencipta alam itu sendiri Yang Maha Mengetahui dengan tabi'atnya dan hubungan-hubungannya, sedangkan kefahaman-kefahaman ahli falsafah hanya merupakan percubaan-percubaan dari beberapa makhluk yang kerdil dari alam ini untuk mentafsirkan seluruh kejadian alam buana. Dan tentulah hasil dari percubaan-percubaan yang sukar seperti ini dapat diduga.

Hasil dari percubaan-percubaan seperti itu hanyalah sia-sia, campuraduk dan mengelirukan belaka apabila dibandingkan dengan gambaran atau pentafsiran lengkap, matang dan tepat yang dikemukakan oleh Al-Qur'an kepada manusia, tetapi malangnya setengah-setengah dari mereka meninggalkan pentafsiran Al-Qur'an dan memilih pentafsiran dari hasil-hasil percubaan manusia yang meraba-raba, yang tidak lengkap dan tidak mungkin sempurna dan matang itu.

Hakikat-hakikat itu terus kacau dan berkecamuk dalam hati seseorang dan kefahamannya kerana terpengaruh dengan kefahaman-kefahaman yang karut dan pentafsiran-pentafsiran manusia yang tidak lengkap... kemudian sebaik sahaja dia memandang penjelasan Al-Qur'an mengenai hakikat yang dimusykilkan itu, tiba-tiba dia mendapat satu penjelasan yang tenang, cukup terang dan satu pertimbangan yang kukuh dan mantap. Dia dapati segala sesuatu berada di tempatnya yang wajar dan

seluruh hakikat yang dibicarakannya itu tenang, tetap mantap tidak bergoncang dan goyah dan merasa jiwanya tenang, hatinya tenteram dan mindanya yakin kepada kebenaran yang amat jelas itu, dan segala kekeliruan, kekaburan dan kegelisahan itu hilang dan segala sesuatu kembali mantap.

Begitu juga manusia nampaknya meraba-raba di dalam kesesatan dari segi memilih cita-cita dan minat mereka di dalam hidup ini apabila dibandingkan dengan cita-cita dan minat yang luhur yang dibangkitkan oleh Islam di dalam jiwa mereka, supaya mereka menyintainya dan supaya mereka memikirkannya dengan teliti dan merealisasikannya. Cita-cita dan minat mereka kelihatan amat kecil dan kerdil. Mereka begitu sibuk dengan cita-cita dan minat yang kerdil itu. Mereka mengagung-agungkannya dan memperkatakannya seakan-akan masalah-masalah global yang amat besar. Mereka dalam pandangan seorang Muslim tidak ubah seperti kanak-kanak yang sibuk dan asyik dengan anak-anak patung yang diperbuat dari gula-gula atau anak-anak patung yang tidak bernyawa. Mereka melayani anak-anak patung itu sebagai orang-orang yang hidup dan mereka menghabiskan waktu mereka dengan bergurau senda dan bermain-main dengannya.

Islam berusaha untuk meninggikan cita-cita dan minat manusia sama banyak dengan usahanya untuk meninggikan kefahaman mereka terhadap matlamat kewujudan mereka dan kewujudan alam seluruhnya, sama banyak dengan usahanya untuk menerangkan kepada mereka sebab-sebab kewujudan mereka di alam ini, juga untuk menjelaskan hakikat mereka dan kesudahan hidup mereka dan sama banyak dengan usahanya untuk memberi jawapan yang benar dan jelas kepada persoalan-persoalan yang dimusykilkan mereka iaitu: Dari mana aku datang? Mengapa aku datang? Dan ke mana aku akan pergi?

Jawapan Islam terhadap pertanyaan-pertanyaan ini telah memberi kefahaman yang benar terhadap tujuan kewujudan manusia dan alam buana seluruhnya, kerana manusia bukannya makhluk yang tiada tolok bandingnya dari makhluk-makhluk yang lain, malah dia adalah salah satu dari makhluk-makhluk itu juga. Dia datang dari sumber yang sama dengan sumber makhluk-makhluk itu dan berkongsi sebab kewujudannya dengan makhluk-makhluk itu dan dia akan pergi ke tempat yang sama yang dikehendaki oleh Pencipta alam buana ini. Jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan tersebut mengandungi pentafsiran yang lengkap terhadap kejadian alam dan segala hubungannya, dan hubungan-hubungan manusia dengannya dan hubungan seluruh makhluk dengan Khaliqnya.

Pentafsiran ini mencerminkan cita-cita dan minat-minat manusia Mu'min dalam hidup mereka serta meningkatkannya ke taraf yang luhur, kerana itu cita-cita dan minat manusia lain yang tidak beriman kelihatan begitu kecil dan kerdil dalam pandangan manusia Muslim yang sibuk dengan perjuangan melaksanakan tugas hidupnya yang agung di alam buana ini. Kesibukan inilah yang menyebabkan manusia Muslim itu tidak menghiraukan cita-cita dan minat-minat yang kerdil dan kecil yang menjadi matlamat manusia yang leka bermain-main dalam cita-cita dan minat-minat yang remeh itu.

Hidup manusia Muslim adalah suatu hidup yang agung, kerana dia memikul satu tugas yang agung yang mempunyai hubungan dengan alam buana yang besar ini, juga mempunyai kesan dalam hidup alam buana yang besar ini. Hidupnya begitu luhur dan mulia kerana itu hidupnya sama sekali tidak sesuai untuk dihabiskannya di dalam kegiatan yang sia-sia, kegiatan bermain-main dan berhibur dan kegiatan meraba-raba dalam kebatilan. Kebanyakan cita-cita dan minat manusia dalam kehidupan dunia ini hanya sia-sia, hanya merupakan permainan dan hiburan dan meraba-raba dalam kesesatan apabila dibandingkan dengan cita-cita dan minat manusia Muslim yang lahir dari kefahamannya terhadap tugas agungnya yang mempunyai pertalian dengan hakikat alam al-wujud ini.

Celakalah kepada mereka yang leka bermain-main di dalam kebatilan pada hari Qiamat:

يَوْمَ يُدَعُّونَ إِلَىٰ نَارِ جَهَنَّمَ دَعًّا ﴿١٣﴾

"Pada hari mereka ditolak ke dalam Neraka Jahannam dengan sekasar-kasarnya."(13)

Kata-kata "*tolak dari belakang*" (الدع) itu merupakan satu tindakan yang keras yang layak dengan manusia yang leka bermain-main di dalam kebatilan, kerana itu mereka akan diseret sekeras-kerasnya dan ditolak dengan sekasar-kasarnya, dan apabila mereka sampai di pinggir Neraka mereka akan ditempelakkan pula:

هَٰذِهِ ٱلنَّارُ ٱلَّتِي كُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٤﴾

"Inilah api Neraka yang telah didustakan kamu."(14)

Ketika mereka sedang berada dalam keadaan sengsara ditolak ke dalam Neraka di luar kemahuan mereka, mereka akan dihina, dikecam dan disindir di atas pendustaan mereka semasa berada di dunia:

أَفَسِحْرٌ هَٰذَآ أَمْ أَنتُمْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿١٥﴾

"Apakah ini suatu sihir? Atau kamu buta tidak nampak?"(15)

Dahulu semasa di dunia mereka mengatakan Al-Qur'an itu suatu sihir, oleh itu, adakah api Neraka yang mereka lihat sekarang ini juga suatu sihir atau suatu kebenaran agung yang amat mengerikan? Atau mereka tidak nampak api ini sebagaimana mereka tidak nampak kebenaran Al-Qur'anul-Karim di dunia?

Setelah menerima kecaman yang tajam dan pahit, maka dipatahkan pula harapan mereka:

ٱصْلَوْهَا فَٱصْبِرُوٓا۟ أَوْ لَا تَصْبِرُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْكُمْ ۖ إِنَّمَا

تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

"Rasakanlah bakarannya. Sama ada kamu sabar atau tidak, itu adalah sama sahaja kepada kamu, kerana sesungguhnya kamu dibalas setimpal dengan perbuatan yang telah dilakukan kamu."(16)

Tidak ada penderitaan yang lebih sengsara kepada orang yang terseksa apabila dia mengetahui bahawa sama ada dia sabar atau tidak sabar namun nasibnya tetap sama juga. Keseksaan tetap terus berlaku dan tiada siapa yang boleh menghalanginya. Penderitaannya sama sahaja, sama ada dia sanggup bersabar atau dia terus gelisah dan cemas. Sebab-nya kerana keseksaan yang diterimanya itu adalah balasan yang setimpal terhadap perbuatan yang telah dilakukannya. Oleh itu tiada apa-apa perubahan dapat dilakukan.

Dengan ini tamatlah pemandangan yang mengerikan itu di samping tamatnya pusingan yang pertama.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 28)

Ni'mat-ni'mat Fizikal Dalam Syurga

Pusingan yang kedua juga menggambarkan hati manusia, tetapi ia menggemparkan mereka dengan pemandangan ni'mat yang mewah ma'mur dan dengan seruan supaya mereka mengecapi sepuas-puasnya keni'matan itu terutama setelah mereka menyaksikan pemandangan 'azab yang dahsyat itu:

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَنَعِيمٍ ﴿١٧﴾

فَٰكِهِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ وَوَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٨﴾

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔۢا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

مُتَّكِـِٔينَ عَلَىٰ سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ ۖ وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ عِينٍ ﴿٢٠﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُم بِإِيمَٰنٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَآ أَلَتْنَٰهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَىْءٍ ۚ كُلُّ ٱمْرِئٍۭ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

وَأَمْدَدْنَٰهُم بِفَٰكِهَةٍ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٢٢﴾

يَتَنَٰزَعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَّا لَغْوٌ فِيهَا وَلَا تَأْثِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ غِلْمَانٌ لَّهُمْ كَأَنَّهُمْ لُؤْلُؤٌ مَّكْنُونٌ ﴿٢٤﴾

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٢٥﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِىٓ أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ﴿٢٦﴾

فَمَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَىٰنَا عَذَابَ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾

إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلُ نَدْعُوهُ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْبَرُّ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya para Muttaqin itu ditempatkan di dalam taman Syurga dan di dalam ni'mat yang mewah(17). Mereka bersenang-lenang dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Tuhan mereka dan mereka dipeliharakan Tuhan mereka dari 'azab Neraka(18). Makan dan minumlah kamu dengan seenak-enaknya, kerana amalan yang telah dilakukan kamu(19). Mereka bersandar di atas takhta-takhta yang diatur rapi, dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari-bidadari yang putih melepak dan bermata luas yang jelita(20). Dan orang-orang yang beriman yang diikuti zuriat keturunan mereka dengan keimanan, Kami gabungkan zuriat keturunan mereka dengan mereka dan Kami tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka. Setiap individu terikat dengan amalan-amalan yang telah diusahakannya(21). Dan Kami bekalkan buah-buahan dan daging dari segala jenis yang diingini mereka(22). Di dalam Syurga mereka saling hulur tarik gelas minuman yang tidak menimbulkan percakapan yang kosong dan tidak pula mendatangkan dosa(23). Dan mereka dilayani belia-belia tampan yang beredar di sekeliling mereka seolah-olah mutiara yang tersimpan (24). Mereka bertemu satu sama lain dan saling bertanya(25). Mereka berkata: Sesungguhnya kami dahulu di waktu berada di tengah-tengah keluarga, kami merasa begitu takut (kepada 'azab Allah)(26). Lalu Allah kurniakan (ni'mat Syurga dan keampunan) kepada kami dan melindungkan kami dari 'azab Neraka yang meresap di segenap roma(27). "Sesungguhnya kami dahulu sentiasa berdo'a kepada-Nya kerana sesungguhnya Dia Maha Pengurnia kebaikan dan Maha Pengasih."(28)

Pemandangan ini lebih hampir kepada pemandangan-pemandangan ni'mat-ni'mat jasmaniyah yang dihadapkan kepada perasaan-perasaan manusia di permulaan da'wah, iaitu ni'mat-ni'mat dan kelazatan-kelazatan jasmaniyah yang menarik hati manusia dalam bentuknya yang bersih. Ia merupakan lawan kepada pemandangan-pemandangan 'azab yang dihadapi manusia yang berhati degil dan lalai.

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَنَعِيمٍ ﴿١٧﴾

فَٰكِهِينَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ وَوَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya para Muttaqin itu ditempatkan di dalam taman Syurga dan di dalam ni'mat yang mewah(17). Mereka bersenang-lenang dengan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Tuhan mereka dan mereka dipeliharakan Tuhan mereka dari 'azab Neraka."(18)

Terlepas dari 'azab Neraka Jahannam itu sendiri merupakan limpah kurnia dan ni'mat yang besar dari Allah, apatah lagi pula jika ditempatkan di dalam

taman-taman Syurga yang penuh ni'mat di mana mereka bersenang-lenang dan bermewah-mewah dengan keni'matan yang dikurniakan Allah.

Di samping mendapat ni'mat dan mencapai kelazatannya, mereka dialu-alukan dengan ucapan tahniah dan penghormatan:

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔۢا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

"Makan dan minumlah kamu dengan seenak-enaknya, kerana amalan yang telah dilakukan kamu."(19)

Ucapan dan penghormatan itu sendiri merupakan satu ni'mat yang menyeronokkan kerana ucapan itu mengumumkan bahawa mereka memang wajar menerima kurnia-kurnia yang seperti itu:

مُتَّكِـِٔينَ عَلَىٰ سُرُرٍ مَّصْفُوفَةٍ ۖ

"Mereka bersandar di atas takhta-takhta yang diatur rapi."(20)

Maksudnya, takhta-takhta itu diatur dengan indah dan di sanalah mereka mencapai keni'matan berkumpul dan bercakap-cakap dengan saudara-saudara mereka yang sama-sama berada di dalam ni'mat Syurga.

وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ عِينٍ ﴿٢٠﴾

"Dan Kami kahwinkan mereka dengan bidadari-bidadari yang putih melepak dan bermata luas yang jelita."(20)

Perkahwinan dengan bidadari merupakan selazat-lazat ni'mat yang terlintas dalam hati manusia.

Penghormatan dan keraian maju setapak lagi apabila mereka dikumpulkan dengan zuriat keturunan mereka yang beriman di dalam Syurga itu walaupun amalan zuriat keturunan mereka kurang dari taraf maqam al-Muttaqin asalkan sahaja mereka beriman. Ni'mat ini tidak mengurang-kan sedikit pun amalan bapa-bapa dan darjat-darjat mereka dan tidak pula merosakkan lunas tanggungjawab individu dan lunas hisab masing-masing mengikut amalan yang diusahakannya, kerana ni'mat ini merupakan semata-mata limpah kurnia Allah kepada mereka semua:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُم بِإِيمَٰنٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَآ أَلَتْنَٰهُم مِّنْ عَمَلِهِم مِّن شَىْءٍ ۚ كُلُّ ٱمْرِي بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

"Dan orang-orang yang beriman yang diikuti zuriat keturunan mereka dengan keimanan, Kami gabungkan zuriat keturunan mereka dengan mereka dan Kami tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka. Setiap individu terikat dengan amalan yang telah diusahakannya."(21)

Kemudian ditayangkan pula pemandangan berbagai-bagai ni'mat di dalam Syurga, iaitu ni'mat buah-buahan dan daging yang diingini mereka dan ni'mat minuman yang citarasa yang bukan memabukkan seperti minuman arak dunia yang membuat peminumnya bercakap kosong dan merapik-rapik dan merangsangkan keinginan melakukan dosa dan maksiat, malah minuman itu adalah suatu minuman yang bersih dan suci:

يَتَنَٰزَعُونَ فِيهَا كَأْسًا لَّا لَغْوٌ فِيهَا وَلَا تَأْثِيمٌ ﴿٢٣﴾

"Di dalam Syurga mereka saling hulur tarik gelas minuman yang tidak menimbulkan percakapan yang kosong dan tidak pula mendatangkan dosa."(23)

Maksudnya, mereka saling hulur tarik mendapatkan minuman itu dan mereka minum bersama-sama. Ini menambahkan lagi kemesraan pergaulan, kelazatan dan keni'matan mereka. Sementara itu mereka dilayani pula oleh pelayan-pelayan belia yang tampan dan murni yang berkeliling membawa gelas-gelas minuman kepada mereka. Mereka kelihatan begitu tampan, bersih, sopan dan berseri-seri seolah-olah "*mutiara yang tersimpan*". Ini menambah-kan lagi kemeriahan hati dan kemesraan di majlis itu.

Untuk melengkapkan lagi suasana pemandangan yang penuh mesra itu, Al-Qur'an menceritakan pula perbualan-perbualan yang berlangsung di antara mereka, iaitu perbualan mengenangkan zaman silam mereka di dunia dan sebab-sebab yang membawa mereka ke dalam Syurga yang penuh dengan ni'mat-ni'mat keamanan, kepuasan, kemewahan, kemesraan dan keni'matan itu:

وَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٢٥﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا قَبْلُ فِىٓ أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ ﴿٢٦﴾

فَمَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَىٰنَا عَذَابَ ٱلسَّمُومِ ﴿٢٧﴾

إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلُ نَدْعُوهُ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْبَرُّ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٨﴾

"Mereka bertemu satu sama lain dan saling bertanya(25). Mereka berkata: Sesungguhnya kami dahulu sewaktu berada di tengah-tengah keluarga kami merasa begitu takut (kepada 'azab Allah)(26). Lalu Allah kurniakan (ni'mat syurga dan keampunan) kepada kami dan melindungkan kami dari 'azab Neraka yang meresap di segenap roma(27). Sesungguhnya kami dahulu sentiasa berdo'a kepada-Nya kerana sesungguhnya Dia Maha Pengurnia kebaikan dan Maha Pengasih."(28)

Jadi, rahsia kebahagiaan mereka sekarang ialah kerana sewaktu di dunia mereka sentiasa takut menghadapi hari Akhirat, takut menemui Allah dan menghadapi hisab-Nya, sedangkan mereka hidup di kalangan keluarga mereka dalam keamanan dan ketenteraman, tetapi mereka tidak tertipu dengan keamanan yang palsu itu dan tidak pula lalai dalam keni'matan-keni'matannya yang melekakan itu. Oleh sebab inilah Allah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka dan memelihara mereka dari 'azab

Neraka yang menembusi setiap lubang roma. Ni'mat-ni'mat itu dikurniakan kepada mereka semata-mata dari limpah kurnia Allah kerana taqwa dan rasa takut yang ditunjukkan mereka di dunia. Mereka tahu hal ini semuanya dan mereka tahu pula bahawa amalan seseorang tidak dapat memasukkannya ke dalam Syurga kecuali dengan limpah kurnia dari Allah, sedangkan amalan-amalan itu tidak lebih dari menjadi satu bukti yang menyaksikan bahawa seseorang itu telah berusaha dan menaruh minat kepada balasan ni'mat yang tersedia di sisi Allah, inilah sahaja kelayakan untuk menerima limpah kurnia Allah.

Di samping menyimpan perasaan takut, bimbang dan taqwa itu, mereka sentiasa berdo'a kepada Allah:

إِنَّا كُنَّا مِن قَبۡلُ نَدۡعُوهُۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡبَرُّ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya kami dahulu sentiasa berdo'a kepada-Nya kerana sesungguhnya Dia Maha Pengurnia kebaikan dan Maha Pengasih."(28)

Maksudnya, mereka sentiasa berdo'a kepada Allah kerana mereka mengetahui sifat-Nya Yang Maha Penyayang yang sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya.

Demikianlah terbukanya rahsia yang menyampaikan mereka kepada Allah dalam perbualan-perbualan mereka di dalam Syurga yang penuh ni'mat itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 44)

Sebab-sebab Rasulullah S.A.W. Dituduh Sebagai Kahin, Orang Gila Dan Penyair

Sesudah manusia menerima sebatan cemeti yang bengis di dalam pusingan yang pertama dan menerima seruan ni'mat hidup yang mewah ma'mur dalam pusingan yang kedua, maka ini bererti bahawa dia sekarang telah cukup bersedia untuk menerima kenyataan-kenyataan hakikat, kerana ayat-ayat yang berikut melancarkan serangan-serangan ke atas mereka dengan nada-nada yang pantas. Ia memburu mereka dengan hakikat-hakikat yang kuat dan mengejar segala keraguan-keraguan yang tersembunyi di lubang-lubang hati mereka dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan yang mengandungi kecaman dan cabaran-cabaran yang kuat. Cabaran-cabaran itu tidak terdaya disambut manusia apabila ia benar-benar meresap ke dalam hati mereka:

فَذَكِّرۡ فَمَآ أَنتَ بِنِعۡمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٖ وَلَا مَجۡنُونٍ ﴿٢٩﴾

أَمۡ يَقُولُونَ شَاعِرٞ نَّتَرَبَّصُ بِهِۦ رَيۡبَ ٱلۡمَنُونِ ﴿٣٠﴾

قُلۡ تَرَبَّصُواْ فَإِنِّي مَعَكُم مِّنَ ٱلۡمُتَرَبِّصِينَ ﴿٣١﴾

أَمۡ تَأۡمُرُهُمۡ أَحۡلَٰمُهُم بِهَٰذَآۚ أَمۡ هُمۡ قَوۡمٞ طَاغُونَ ﴿٣٢﴾

أَمۡ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُۥۚ بَل لَّا يُؤۡمِنُونَ ﴿٣٣﴾

فَلۡيَأۡتُواْ بِحَدِيثٖ مِّثۡلِهِۦٓ إِن كَانُواْ صَٰدِقِينَ ﴿٣٤﴾

أَمۡ خُلِقُواْ مِنۡ غَيۡرِ شَيۡءٍ أَمۡ هُمُ ٱلۡخَٰلِقُونَ ﴿٣٥﴾

أَمۡ خَلَقُواْ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾

"Berilah peringatan (kepada mereka) kerana engkau bukanlah seorang kahin dan bukan pula seorang gila dengan sebab ni'mat kerasulan yang dikurniakan Tuhanmu itu(29). Atau apakah mereka berkata: (Muhammad) itu seorang penyair yang kami tunggu-tunggu ditimpa kebinasaan?(30). Katakanlah (wahai Muhammad): Tunggulah kamu kerana sesungguhnya aku pun dari orang-orang yang ikut menunggu bersama kamu(31). Apakah mereka disuruh akal fikiran mereka membuat tuduhan seperti ini atau mereka kaum yang pelampau?(32). Atau apakah mereka menuduh dia (Muhammad) mereka-reka Al-Qur'an? Bahkan sebenarnya mereka sengaja tidak mahu beriman(33). Hendaklah mereka bawakan perkataan seperti Al-Qur'an Jika mereka benar(34). Apakah mereka diciptakan tanpa pencipta atau apakah mereka menciptakan diri mereka sendiri?(35). Apakah mereka yang menciptakan langit dan bumi? Bahkan Sebenarnya mereka tidak mempunyai keyakinan."(36)

أَمۡ عِندَهُمۡ خَزَآئِنُ رَبِّكَ أَمۡ هُمُ ٱلۡمُصَيۡطِرُونَ ﴿٣٧﴾

أَمۡ لَهُمۡ سُلَّمٞ يَسۡتَمِعُونَ فِيهِۖ فَلۡيَأۡتِ مُسۡتَمِعُهُم بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

أَمۡ لَهُ ٱلۡبَنَٰتُ وَلَكُمُ ٱلۡبَنُونَ ﴿٣٩﴾

أَمۡ تَسۡـَٔلُهُمۡ أَجۡرٗا فَهُم مِّن مَّغۡرَمٖ مُّثۡقَلُونَ ﴿٤٠﴾

أَمۡ عِندَهُمُ ٱلۡغَيۡبُ فَهُمۡ يَكۡتُبُونَ ﴿٤١﴾

أَمۡ يُرِيدُونَ كَيۡدٗاۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ هُمُ ٱلۡمَكِيدُونَ ﴿٤٢﴾

أَمۡ لَهُمۡ إِلَٰهٌ غَيۡرُ ٱللَّهِۚ سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴿٤٣﴾

وَإِن يَرَوۡاْ كِسۡفٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ سَاقِطٗا يَقُولُواْ سَحَابٞ مَّرۡكُومٞ ﴿٤٤﴾

"Apakah mereka mempunyai perbendaharaan Tuhanmu atau apakah mereka menguasai teraju segala urusan?(37). Apakah mereka mempunyai tangga (ke langit) hingga mereka dapat mendengar (percakapan-percakapan ghaib) di sana? (Jika benar) hendaklah yang mendengar dari kalangan mereka itu membawa hujah yang jelas(38). Apakah wajar Allah mempunyai anak-anak perempuan sedangkan kamu mempunyai anak-anak lelaki?(39). Apakah engkau (Muhammad) minta upah dan kerana itu mereka berat menanggung hutang?(40). Apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan yang ghaib dan kerana itu mereka dapat menuliskannya?(41). Apakah mereka hendak merancang-kan tipu daya (terhadap Muhammad)? Sebenarnya orang-orang yang kafir itulah yang akan menerima akibat tipu daya itu(42). Apakah mereka

mempunyai Tuhan selain dari Allah? Maha Sucilah Allah dari segala apa yang disekutukan mereka(43). Dan andainya mereka melihat kepingan-kepingan dari langit itu gugur (untuk mengazab mereka), mereka berkata: Itulah awan tebal yang berlapis-lapis (yang membawa hujan)."(44)

فَذَكِّرْ

"Berilah peringatan."(29)

Perintah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau terus melaksanakan tugas memberi peringatan kepada kaumnya walaupun mereka menunjukkan sikap yang biadab dan melemparkan tuduhan yang keji terhadap beliau. Kadang-kadang mereka menuduh beliau sebagai seorang kahin dan kadang-kadang pula mereka menuduh beliau sebagai seorang gila. Mereka menuduh beliau dengan kedua-dua sifat ini kerana adanya kepercayaan yang lumrah di kalangan mereka bahawa kahin-kahin itu menerima petunjuk-petunjuk dari syaitan, dan syaitan pula boleh merasuk setengah-setengah orang dan menyebabkan mereka menjadi gila. Sebab yang mendorong mereka mengatakan Nabi itu kahin atau seorang gila ialah kerana mereka begitu bingung dan gugup menghadapi mukjizat Al-Qur'anul-Karim yang mengkagetkan mereka dengan ungkapan-ungkapan yang belum pernah diketahui mereka, sedangkan mereka satu kaum yang bijak dalam mengucapkan kata-kata yang indah dan seni. Oleh sebab mereka tidak mahu mengakui Al-Qur'an itu dari Allah kerana adanya penyakit dalam jiwa mereka, maka mereka perlu menghubungkan Al-Qur'an itu dengan satu sumber yang mengatasi kemampuan manusia dengan mengatakan bahawa Al-Qur'an itu adalah hasil dari bisikan-bisikan jin, atau hasil dari pertolongan-pertolongannya. Kesimpulannya pembawa Al-Qur'an ini sama ada ia seorang kahin yang menerima bisikan-bisikan dari jin atau seorang tukang sihir yang mendapat pertolongan jin atau seorang penyair yang menerima ilham dari jin atau seorang gila yang dirasuk syaitan, dan syaitan itulah yang membolehkannya mengeluarkan perkataan-perkataan yang menakjubkan itu.

Ini adalah satu tuduhan yang amat keji, kerana itu Allah S.W.T. menghiburkan hati Rasul-Nya dengan memperkecil-kecilkan tuduhan itu serta memberi pengakuan bahawa Dialah yang mengurniakan ni'mat nubuwwah kepada beliau, iaitu satu ni'mat yang tidak ada hubungan langsung dengan kerja kekahinan dan dengan pengidapan penyakit gila:

فَذَكِّرْ فَمَآ أَنتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ﴿٢٩﴾

"Engkau bukanlah seorang kahin dan bukan pula seorang gila dengan sebab ni'mat kerasulan yang dikurniakan Tuhanmu itu."(29)

Kemudian Al-Qur'an mengecam perkataan mereka yang menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai seorang penyair itu:

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّتَرَبَّصُ بِهِۦ رَيْبَ ٱلْمَنُونِ ﴿٣٠﴾

"Atau apakah mereka berkata: (Muhammad) itu seorang yang kami tunggu-tunggu ditimpa kebinasaan?"(30)

Mereka telah membuat tuduhan itu dan berkata sesama mereka: "Sabarlah menghadapinya dan tetapkan pendirian kamu hingga dia disambar maut, ketika itu barulah kita rehat," mereka saling berpesan supaya menunggu beliau disambar maut, kerana itu Al-Qur'an mengajar Rasulullah s.a.w. supaya menjawab kata-kata mereka dengan satu jawapan yang berbalut dengan ancaman:

قُلْ تَرَبَّصُوا۟ فَإِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُتَرَبِّصِينَ ﴿٣١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Tunggulah kamu kerana sesungguhnya aku pun dari orang-orang yang ikut menunggu bersama kamu."(31)

Maksudnya, tunggulah dan kamu akan mengetahui siapakah yang akan ditimpa bencana dan siapakah yang akan mendapat kemenangan.

Biasanya ketua-ketua Quraisy itu digelarkan sebagai orang-orang bijak yang mempunyai akal fikiran yang waras dalam mengendalikan urusan kehidupan mereka, oleh sebab itu Al-Qur'an mengejek akal fikiran mereka terhadap Islam, kerana sikap mereka terhadap Islam adalah bertentangan dengan kebijaksanaan dan pemikiran akal yang waras. Al-Qur'an bertanya mereka dengan sendaan, adakah sifat-sifat yang mereka katakan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan sikap yang mereka tunjukkan terhadap kerasulannya itu hasil dari pemikiran akal mereka yang bijak? Atau mereka sebenarnya kaum pelampau yang tidak mengikut saranan akal fikiran?

أَمْ تَأْمُرُهُمْ أَحْلَٰمُهُم بِهَٰذَآ ۚ أَمْ هُمْ قَوْمٌ طَاغُونَ ﴿٣٢﴾

"Apakah mereka disuruh akal fikiran mereka membuat tuduhan seperti ini atau mereka kaum yang pelampau?"(32)

Pertanyaan pertama merupakan satu sindiran yang pedih dan pertanyaan yang kedua mengandungi tuduhan yang menghinakan, dan salah satu dari keduanya tepat mengenai mereka, kerana sikap mereka yang meragukan itu.

Lidah mereka begitu lancang terhadap Rasulullah s.a.w. Mereka menuduh beliau mereka-rekakan Al-Qur'an, oleh kerana itu Al-Qur'an bertanya dengan gaya mencela:

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُۥ ۚ

Atau apakah mereka menuduh dia (Muhammad) mereka-rekakan Al-Qur'an."(33)

Kemudian Al-Qur'an dengan segera menerangkan sebab tuduhan yang ganjil ini:

بَل لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٣﴾

"Bahkan sebenarnya mereka sengaja tidak mahu beriman!"(33)

Keengganan hati mereka dari beriman itulah yang membuat mereka tergamak berkata begitu setelah mereka, tidak dapat memahami hakikat Al-Qur'an. Dan andainya mereka memahaminya tentulah mereka akan mengetahui bahawa Al-Qur'an itu bukanlah ciptaan manusia dan bahawa pembawanya pastilah seorang Rasul yang benar dan amanah.

Oleh kerana hati mereka tidak dapat mengakui kebenaran Al-Qur'an, maka Allah mencabar mereka dengan bukti yang tegas yang tidak dapat dipertikaikan lagi:

فَلْيَأْتُوا۟ بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٣٤﴾

"Hendaklah mereka bawakan perkataan seperti Al-Qur'an jika mereka benar."(34)

Rahsia-rahsia Istimewa Ayat-ayat Al-Qur'an

Cabaran ini telah disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'an dan telah disambut dengan penuh kelemahan dan kehinaan oleh pengingkar-pengingkarnya. Demikianlah sikap setiap orang kafir terhadap Al-Qur'an sehingga hari Qiamat.

Ada satu rahsia istimewa yang terpendam di dalam Al-Qur'an. Rahsia itu dapat disedari oleh setiap orang yang mula-mula membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebelum dia mengkaji tempat-tempat i'jaz (sudut-sudut seni yang melemahkan manusia) di dalam Al-Qur'an, iaitu dia akan merasa daya tarikan istimewa pada ungkapan-ungkapan Al-Qur'an itu. Dia merasa ada sesuatu di sebalik makna-makna yang dapat difahamkan akal dari ungkapan-ungkapan itu. Dia merasa ada sesuatu unsur yang tercurah ke dalam hatinya sebaik sahaja dia mendengar bacaan Al-Qur'an. Kadang-kadang unsur yang tercurah di dalam hatinya itu dapat difaham dengan jelas oleh setengah-setengah orang, dan kadang-kadang pula difaham secara samar-samar sahaja oleh setengah-setengah orang yang lain, tetapi unsur itu tetap ada di dalam mana-mana keadaan, dan unsur itu sukar dikenal-pastikan sumbernya, apakah sumbernya ialah ungkapan-ungkapan Al-Qur'an itu sendiri? Atau makna yang tersirat di dalam ungkapan-ungkapan Al-Qur'an? Atau gambaran dan bayangan yang dipancarkan oleh ungkapan-ungkapan Al-Qur'an? Atau nada istimewa Al-Qur'an itu sendiri yang berbeza dari nada perkataan-perkataan yang lain dari Al-Qur'an? Atau semua unsur-unsur Al-Qur'an yang terkumpul itu? Atau unsur-unsur ini di samping sesuatu yang di sebaliknya yang tidak terbatas.

Itulah rahsia yang tersimpan di dalam setiap ayat Al-Qur'an yang dapat disedari oleh setiap orang yang mula-mula membaca Al-Qur'an, dan selepas itu barulah muncul rahsia-rahsianya yang lain yang didapati melalui penelitian, pemerhatian dan pemikiran terhadap susunan seluruh Al-Qur'an iaitu:

Rahsia persepsi yang lengkap dan betul yang dicetuskan Al-Qur'an di dalam perasaan, hati dan akal, iaitu persepsi mengenai hakikat kewujudan manusia dan seluruh alam buana dan persepsi mengenai hakikat Allah sebagai hakikat pertama yang melahirkan segala hakikat yang lain. Juga rahsia mengenai cara yang diikuti Al-Qur'an untuk menegakkan konsep-konsep yang lengkap dan betul ini di dalam akal manusia, iaitu cara Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan bahasa khusus yang tidak terdapat seumpamanya dalam seluruh kalam manusia, dan cara Al-Qur'an membalik-balikkan hati manusia dari segala sudut dan pintunya, juga cara Al-Qur'an mengubati hati manusia dengan pengubatan seorang pakar yang mengetahui segala sudutnya dan segala rahsianya. Juga rahsia mengenai semua bimbingan-bimbingan dan arahan-arahan yang menyeluruh, seimbang, serasi dan setaraf yang tidak terdapat sama sekali di dalam ciptaan-ciptaan manusia yang memang tidak mantap pada satu keadaan dan tahap itu, juga tidak meliputi semua aspek, tidak mempunyai imbangan yang sempurna, iaitu tidak lebih dan tidak kurang, tidak taksir dan tidak keterlaluan, juga tidak mempunyai keserasian yang mutlak yang bersih dari sebarang percanggahan dan pertentangan sama ada pada dasar-dasarnya atau pada cabang-cabang perinciannya.

Semua gejala-gejala ini di samping rahsia-rahsia Al-Qur'an yang tersembunyi yang tidak dapat diingkari itu merupakan unsur-unsur yang menyalutkan Al-Qur'an dengan sifat i'jaz (sifat-sifat Al-Qur'an yang melemahkan manusia) yang mutlak di seluruh zaman. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dipertikaikan oleh seseorang yang menghormati perasaan dan dirinya dan menghormati hakikat yang begitu teguh, mendalam dan jelas apabila dia menghadapi Al-Qur'an dengan hati yang bersih dan waras:

فَلْيَأْتُوا۟ بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِۦٓ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٣٤﴾

"Hendaklah mereka bawakan perkataan seperti Al-Qur'an Jika mereka benar."(34)

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan tentang hakikat kewujudan diri mereka sendiri, iaitu satu hakikat yang pasti dihadapinya dan mereka tidak mungkin mentafsirkan hakikat ini dengan tafsiran yang berlainan dari tafsiran Al-Qur'an, iaitu tafsiran yang menjelaskan adanya Allah Pencipta yang menciptakan mereka:

أَمْ خُلِقُوا۟ مِنْ غَيْرِ شَىْءٍ أَمْ هُمُ ٱلْخَٰلِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Apakah mereka diciptakan tanpa pencipta atau apakah mereka menciptakan diri mereka sendiri?"(35)

Hakikat Kewujudan Manusia

Kemunculan mereka ke alam al-wujud tanpa pencipta itu merupakan satu perkara yang tidak dapat diterima oleh logik fitrah manusia dari awal-awal lagi. Ini tidak memerlukan sebarang perdebatan sama ada banyak atau sedikit. Untuk mengatakan merekalah yang menciptakan diri mereka sendiri adalah satu perkara yang tidak pernah didakwa mereka dan tidak pernah pula didakwa oleh mana-mana makhluk yang lain. Jika kedua-dua andaian ini tidak sah mengikut

logik fitrah manusia, maka tidak ada hakikat yang lain lagi melainkan hanya hakikat yang dikemukakan oleh Al-Qur'an, iaitu seluruh mereka adalah dari ciptaan Allah Yang Tunggal, dan tiada siapa yang berkongsi dengan Allah dalam kerja-kerja penciptaan ini, dan oleh kerana itu tiada harus bagi sesiapa pun berkongsi dengan-Nya dalam mana-mana urusan Rububiyah dan ibadat. Hakikat ini merupakan satu logik yang amat jelas dan mudah difahamkan.

أَمْ خَلَقُوا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۚ بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾

"Apakah mereka yang menciptakan langit dan bumi? Bahkan sebenarnya mereka tidak mempunyai keyakinan?"(36)

Mereka - dan mana-mana orang berakal yang berhakimkan logik fitrah - juga tidak mendakwa bahawa langit dan bumi itu menjadikan dirinya sendiri atau wujud tanpa pencipta. Mereka juga tidak mendakwa bahawa merekalah yang menciptakan langit dan bumi itu. Biasanya apabila ditanya mereka siapakah yang menciptakan langit dan bumi mereka akan menjawab "Allah", tetapi hakikat ini masih tidak jelas kepada mereka hingga kepada tahap keyakinan:

بَل لَّا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾

"Bahkan sebenarnya mereka tidak mempunyai keyakinan."(36)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka turun sedarjah dari darjah penciptaan diri sendiri atau langit dan bumi, lalu ia bertanya kepada mereka: Adakah mereka memiliki perbendaharaan Allah dan menguasai segala urusan menahan dan memberi, urusan mudarat dan manfa'at?

أَمْ عِندَهُمْ خَزَائِنُ رَبِّكَ أَمْ هُمُ الْمُصَيْطِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Apakah mereka mempunyai perbendaharaan Tuhanmu atau apakah mereka menguasai teraju segala urusan?"(37)

Jika mereka tidak begitu dan tidak pula mendakwa begitu, maka siapakah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan itu dan siapakah yang menguasai teraju segala urusan itu? Al-Qur'an menjawab hanya Allahlah yang menahan dan memberi, yang mentadbir dan mengendalikan segala urusan alam. Inilah satu-satunya pentafsiran mengenai segala urusan penahanan, pemberian, pentadbiran dan pengendalian yang berlaku di alam ini setelah tertolaknya andaian bahawa merekalah yang memiliki perbendaharaan-perbendaharaan alam dan menguasai pengendalian dan pentadbiran urusan alam.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka turun sedarjah lagi dan bertanya sama ada mereka mempunyai alat untuk mendengar apa yang berlaku di langit selaku sumber yang menurunkan Al-Qur'an itu:

أَمْ لَهُمْ سُلَّمٌ يَسْتَمِعُونَ فِيهِ ۖ فَلْيَأْتِ مُسْتَمِعُهُم بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

"Apakah mereka mempunyai tangga (ke langit) hingga mereka dapat mendengar (percakapan-percakapan ghaib) di sana? (Jika benar) hendaklah yang mendengar dari kalangan mereka itu membawa hujah yang jelas."(38)

Nabi Muhammad s.a.w. telah menerangkan kepada mereka bahawa beliau adalah utusan Allah yang telah menurunkan wahyu kepadanya, dan Al-Qur'an itu diturun kepadanya dari al-Mala'ul-A'la, tetapi mereka dustakan beliau. Oleh kerana itu, apakah mereka mempunyai tangga ke langit dan dapat mendengar apa yang sebenar berlaku di sana hingga mereka dapat mengetahui bahawa Muhammad itu bukannya diturunkan wahyu kepadanya dan apa yang didakwa beliau adalah tidak benar, jika demikian:

فَلْيَأْتِ مُسْتَمِعُهُم بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

"Hendaklah yang mendengar dari kalangan mereka itu membawa hujah yang jelas."(38)

Yakni bukti yang kuat yang boleh mempengaruhi manusia mempercayainya. Ayat ini memberi isyarat kepada kekuatan dan pengaruh Al-Qur'an yang terdapat pada ayat-ayatnya dan hujah-hujahnya yang dikemukakan kepada mereka, tetapi mereka sengaja bersikap angkuh dan degil untuk menerimanya.

Kemudian Al-Qur'an menyoal salah satu dari dakwaan-dakwaan mereka yang bertentangan mengenai Allah S.W.T., iaitu dakwaan mereka bahawa malaikat itu adalah puteri-puteri Allah. Ia menyoal mereka secara langsung supaya mereka merasa bertambah malu dan hina:

"Apakah wajar Allah mempunyai anak-anak perempuan sedangkan kamu mempunyai anak-anak lelaki?"(39)

Percanggahan Dakwaan Mereka Dengan Adat Resam Mereka

Mereka menganggap anak-anak perempuan lebih rendah darjatnya dari anak-anak lelaki sehingga wajah mereka menjadi muram kerana sedih dan marah bila diberitahu bahawa mereka mendapat anak perempuan. Namun begitu, mereka tidak segan-segan menghubungkan anak-anak perempuan itu kepada Allah. Dalam ayat ini Allah menyangkal dan menghujahkan mereka dengan adat resam mereka sendiri supaya mereka merasa malu terhadap dakwaan mereka iaitu satu dakwaan yang jelas bertentangan dan tidak benar.

Mereka merasa keberatan untuk menerima da'wah Rasulullah s.a.w. yang menyeru mereka kepada hidayat, sedangkan beliau mengemukakan da'wah itu

kepada mereka dengan ikhlas dan percuma. Beliau tidak mengenakan sebarang upah dan bayaran.

Sepatutnya tawaran ikhlas itu dihargai dengan cara yang paling mudah iaitu menerima Rasulullah s.a.w. dengan baik atau menolak dengan baik jika mereka tidak dapat menerima tawarannya. Dalam ayat berikut Al-Qur'an mengecam sikap mereka yang tidak wajar itu:

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٠﴾

"Apakah engkau (Muhammad) meminta upah dan kerana itu mereka berat menanggung hutang?"(40)

Da'wah Tidak Mengenakan Sebarang Bayaran

Maksudnya, adakah mereka menanggung hutang yang berat kerana engkau mengenakan bayaran ke atas mereka sebagai upah menyampaikan da'wah kepada mereka? Jika sebenarnya tidak ada sebarang upah dan bayaran yang dikenakan, maka alangkah kejinya perbuatan mereka. Perbuatan itu sewajarnya memalukan mereka bila dihadapkan kepada mereka.

Kemudian Al-Qur'an kembali menyoal mereka tentang hakikat kewujudan dan kedudukan mereka di alam buana ini. Mereka hanya hamba-hamba yang dilingkungi batas-batas. Mereka hanya mengetahui bahagian yang lahir dari alam buana ini sahaja dan tidak mengetahui hakikat di sebaliknya. Hanya Allah Pencipta alam buana ini sahaja yang mengetahui hakikat yang ghaib, sedangkan mereka tidak dapat mengetahuinya kerana mereka hanya hamba-hamba sahaja:

أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤١﴾

"Apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan yang ghaib dan kerana itu mereka dapat menuliskannya?"(41)

Mereka sedar bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam urusan-urusan yang ghaib. Mereka tidak mengetahuinya dan tidak mampu untuk mengetahuinya dan mereka tidak menulis sesuatu apa pun dalam daftar ghaib, hanya Allah sahaja yang menulis dalam daftar ini segala perencanaan yang ditentukan kepada hamba-hamba-Nya.

Sepatutnya orang yang menguasai urusan ghaib dengan segala perencanaan dan pentadbirannya inilah yang berkuasa mentadbir dan merancangkan tipu daya, tetapi mengapa pula orang-orang yang tidak mengetahui urusan ghaib dan tidak pula menulis di dalam daftar ghaib itu mahu berlagak untuk mengatur dan merancangkan tindakan--tindakan yang jahat terhadapmu? Mengapakah mereka merasa berkuasa meramalkan sesuatu yang akan berlaku di masa depan sehingga sanggup mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang penyair yang menunggu masa disambar maut?

أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا ۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هُمُ ٱلْمَكِيدُونَ ﴿٤٢﴾

"Apakah mereka hendak merancangkan tipu daya (terhadap Muhammad)? Sebenarnya orang-orang yang kafir itulah yang akan menerima akibat tipu daya itu."(42)

Maksudnya, orang-orang yang kafir itulah yang akan dibinasakan taqdir yang telah diaturkan Allah yang mengetahui segala yang ghaib, merekalah yang akan menerima akibatnya dan Allah itu sebijak-bijak yang merancangkan tindakan-tindakan balas.

أَمْ لَهُمْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٤٣﴾

"Apakah mereka mempunyai Tuhan selain dari Allah? Maha Sucilah Allah dari segala apa yang disekutukan mereka."(43)

Maksudnya, adakah mereka mempunyai Tuhan yang lain dari Allah yang sanggup memelihara dan melindungi mereka dari tindakan Allah terhadap mereka? Maha Sucilah Allah S.W.T. dari tanggapan-tanggapan mereka yang karut-marut itu.

Dengan pernyataan membersihkan Allah dari kepercayaan syirik dan dari sekutu-sekutu itu berakhirlah serangan yang bertubi-tubi dan gegak gempita itu. Kini segala kekeliruan mereka telah jelas dan terang dan segala hujah mereka telah dipatahkan, dan mereka sekarang sedang berdiri di hadapan hakikat yang terang dengan tangan yang kosong dari segala keuzuran dan segala alasan. Ketika inilah Allah mendedahkan hakikat mereka yang degil dan angkuh itu yang sanggup mempertikaikan kebenaran yang terang benderang dengan hanya berpegang kepada satu alasan yang sangat jauh dan mengelirukan:

وَإِن يَرَوْا۟ كِسْفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ سَاقِطًا يَقُولُوا۟ سَحَابٌ مَّرْكُومٌ ﴿٤٤﴾

"Dan andainya mereka melihat kepingan-kepingan dari langit itu gugur (untuk mengazab mereka), mereka berkata: Itulah awan tebal yang berlapis-lapis (yang membawa hujan)."(44)

Maksudnya, jika Allah melepaskan 'azab ke atas mereka dalam bentuk kepingan-kepingan langit yang digugurkan ke atas mereka membawa kebinasaan, maka mereka akan berkata ketika melihat kepingan-kepingan langit itu gugur:

سَحَابٌ مَّرْكُومٌ ﴿٤٤﴾

"Itulah awan tebal yagg berlapis-lapis (yang membawa hujan)."(44)

Mereka berkata begitu semata-mata kerana degil untuk menerima kebenaran walaupun pedang terhunus di atas leher mereka. Mungkin ayat ini memberi isyarat kepada kisah kaum 'Ad dan kata-kata mereka ketika melihat awan mendung, angin ribut yang membawa maut dan kemusnahan:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَتِهِمْ قَالُوا۟ هَٰذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ بَلْ هُوَ مَا ٱسْتَعْجَلْتُم بِهِۦ ۖ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾ تُدَمِّرُ كُلَّ شَىْءٍۭ بِأَمْرِ رَبِّهَا

"Apabila mereka melihat 'azab berupa awan menuju ke lembah-lembah mereka, mereka berkata: Inilah awan yang akan menurunkan hujan kepada kita. Bukan! Bahkan itulah 'azab yang kamu pinta supaya datang dengan segera, itulah angin ribut yang mengandungi 'azab yang amat pedih yang membinasakan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya."

(Surah al-Ahqaf: 24-25)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 49)

Apabila kedegilan dan keangkuhan mereka terhadap kebenaran itu telah sampai ke peringkat ini, maka Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya jangan lagi beliau menghiraukan mereka dan supaya beliau tinggalkan mereka kepada pengadilan hari Qiamat dan 'azab seksa yang menunggu mereka, juga supaya beliau sabar menunggu keputusan Allah yang sentiasa memelihara dan melindungi-nya, dan supaya bertasbih memuji Allah di waktu pagi ketika bangkit dari tidur dan di waktu malam ketika bintang-bintang menghilangkan diri:

فَذَرْهُمْ حَتَّىٰ يُلَٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى فِيهِ يُصْعَقُونَ ﴿٤٥﴾

يَوْمَ لَا يُغْنِى عَنْهُمْ كَيْدُهُمْ شَيْـًٔا وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٦﴾

وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ عَذَابًا دُونَ ذَٰلِكَ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٧﴾

وَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۖ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَٰرَ ٱلنُّجُومِ ﴿٤٩﴾

"Oleh itu, biarkanlah mereka (di dalam kesesatan) sehingga mereka menemui hari (Qiamat), di mana mereka akan dimatikan(45). "Pada hari itu tipu daya mereka tidak mendatangkan faedah kepada mereka sedikit pun dan tidak pula mereka diberi pertolongan(46). Sesungguhnya untuk orang-orang yang zalim disediakan suatu 'azab yang lain sebelum itu tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(47). Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu! Sesungguhnya engkau berada di mata Kami (dalam pengawasan Kami), dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun (dari tidur)(48). Juga hendaklah engkau bertasbih di waktu malam dan ketika bintang-bintang itu menghilangkan diri."(49)

Ini satu pusingan serangan baru yang dimulakan dengan ancaman hari Qiamat yang mengerikan. Pada hari itu sangkakala akan ditiupkan dan mereka akan dimatikan iaitu sebelum berlakunya kebangkitan semula. Pada hari itu tiada berguna kepada mereka sebarang tadbir dan tiada siapa yang dapat menolong mereka. Jika pada hari ini mereka merancang tindakan-tindakan tipu daya, maka pada hari itu rancangan-rancangan tipu daya mereka tidak memberi faedah kepada mereka sedikit pun. Tetapi sebelum hari itu mereka akan dikenakan suatu 'azab yang lain yang tidak diketahui mereka.

Dengan ancaman ini Al-Qur'an menamatkan cerita-cerita para pendusta yang zalim yang diburu begitu lama dan begitu keras, iaitu cerita yang berakhir dengan kedudukan mereka yang terancam dan ditunggu 'azab dari jauh dan dekat. Setelah itu Al-Qur'an berpaling pula kepada Rasulullah s.a.w. yang di-tuduh dengan berbagai-bagai tuduhan oleh lidah mereka yang lancang. Al-Qur'an berpaling kepada beliau, lalu menyuruh beliau bersabar menghadapi kesulitan dan kepenatan, bersabar menghadapi pendustaan-pendustaan dan kelancangan lidah mereka, bersabar menjalani da'wah yang sukar dan panjang itu dengan menyerahkan segala urusan kepada keputusan Allah yang berkuasa melakukan apa sahaja yang disukai-Nya:

وَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ

"Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu."(48)

Arahan supaya bersabar itu merupakan pernyataan kasih dan inayah Ilahi yang dapat menghilangkan kesulitan-kesulitan di jalan perjuangan:

وَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۖ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾

"Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu, sesungguhnya engkau berada di mata Kami (dalam pengawasan Kami), dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun (dari tidur)."(48)

Alangkah seninya ungkapan ini, alangkah indahnya gambaran ini dan alangkah tingginya penghargaan ini.

Ia merupakan satu martabat yang belum pernah dicapai oleh seorang manusia yang lain, iaitu satu martabat yang digambarkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapannya yang unik ini di antara semua ayat-ayatnya yang lain, malah di antara semua ungkapan Al-Qur'an yang serupa.

Allah berfirman kepada Musa a.s.:

وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

"Dan Aku telah memilihmu sebagai rasul, maka dengar-kanlah apa yang akan diwahyukan kepadamu."

(Surah Taha: 13)

وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّى وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ﴿٣٩﴾

"Dan Aku telah melimpahkan ke atasmu kasih sayang dari-Ku dan supaya engkau diasuh di bawah mata-Ku (di bawah pengawasan-Ku)."

(Surah Taha: 39)

"Dan aku telah memilihmu sebagai utusan diri-Ku."

(Surah Taha: 41)

Semuanya merupakan ungkapan-ungkapan yang menunjukkan kedudukan-kedudukan yang tinggi, tetapi Allah berfirman kepada Muhammad s.a.w:

"Sesungguhnya engkau berada di mata Kami (dalam pengawasan Kami)."(48)

Ini adalah satu ungkapan yang mengandungi kasih sayang dan kemesraan istimewa, satu ungkapan yang memberi satu bayangan yang unik, iaitu bayangan yang lebih halus dari segala bayangan, bayangan yang tidak dapat diterjemahkan oleh ungkapan manusia. Cukuplah bagi kita menunjukkan kepada bayangannya sahaja dan hidup di bawah bayangan itu.

Di samping melahirkan kasih sayang ini, Al-Qur'an menunjukkan pula jalan untuk mengadakan hubungan yang berterusan dengan Allah:

وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾

"Dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun (dari tidur)."(48)

"Juga hendaklah engkau bertasbih di waktu malam dan ketika bintang-bintang itu menghilangkan diri."(49)

Di sepanjang hari ketika bangun dari tidur dan di waktu malam dan semasa menghilangnya bintang-bintang di waktu Subuh terdapat peluang untuk meni'mati kasih sayang dan kemesraan ini. Ucapan tasbih itu merupakan bekalan, kasih sayang dan munajat hati nurani lebih-lebih lagi hati yang cintakan kekasih yang amat dekat.

******